

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(III)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

5. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang khusus untuk pembangunan di Pulau Jerejak?
 - (a) Jika ya, apakah perancangan tersebut?.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

5. Kerajaan Negeri melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP2030) telah mengenalpasti Pulau Jerejak sebagai salah satu Zon Pelancongan Eko iaitu di bawah Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP) 3.1.1, Langkah L3.1.2.6 - Memperkasakan produk-produk pelancongan agro dan eko melalui perancangan dan program yang dapat menarik kedatangan pelancong yang lebih ramai.

Terdapat perancangan pembangunan di Pulau Jerejak di mana Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) pada 30 Ogos 2016 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan Bercampur Bagi Lot-Lot PT 1962-1965 Serta Tanah Kerajaan "Petak A", "Petak B", "Petak C", Mukim 13, DTL, Serta Tanah Kerajaan, "Petak E", Mukim 12, DBD, Pulau Pinang Untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn.Bhd.

Lanjutan itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 20.03.2018 telah meluluskan Kebenaran Merancang kepada Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. dan pelanjutan kedua telah diberikan sehingga 19.03.2021 bagi cadangan seperti berikut :

- (a) Merobohkan sebuah hotel dan blok-blok kemudahan hotel;
- (b) Mendirikan pembangunan bercampur berfasa yang terdiri daripada:

Fasa 1:

- (i) 1 blok hotel 10 tingkat (350 bilik) dengan tempat letak kereta 2 tingkat di paras '*lower ground*' 1-2; dan
- (ii) Sebuah rumah kelab 4 tingkat.

Fasa 2:

Kemajuan masa hadapan untuk tujuan kediaman dan kedai/pejabat.

Fasa 3:

- (i) 3 blok pangsapuri perkhidmatan 10 tingkat (450 unit) dengan tempat letak kereta 3 tingkat di paras '*lower ground*' 1-3;
- (ii) Kedai/pejabat 5 tingkat (60 unit) dengan tempat letak kereta 5 tingkat di paras '*lower ground*' 4

Fasa 4:

- (i) 2 blok kondominium 10 tingkat (556 unit) dengan tempat letak kereta 3 tingkat di paras '*lower ground*' 1-3
- (ii) Villa 4 tingkat (44 unit)

Fasa 5:

1 blok pangsapuri perkhidmatan 10 tingkat (180 unit) dengan tempat letak kereta 2 tingkat di paras '*lower ground*' 1-2.

- (a) Cadangan tapak TNB seluas 28 meter persegi bagi tujuan gantian tanah untuk lot 6340 (keluasan lot 23 meter persegi).

Selain itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga telah meluluskan Kebenaran Merancang kepada Tetuan Boustead Penang Shipyard Sdn Bhd. pada 20.8.2019 untuk cadangan membina 1 unit limbungan kapal, pencawang elektrik TNB dan tandas sedia ada di atas sebahagian lot 3222, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Jerejak, Pulau Pinang dan kerja-kerja tersebut telah dijalankan.